

KEPENTINGAN MEMAHAMI MAQASID SYARIAH DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA

Azman Mohd Noor^{1*}, Muhamad Nasir Haron^{**} & Muhammad Nazir Alias^{***}

1.0 Pengenalan

Maqasid Syariah adalah merupakan salah satu elemen penting yang diambil kira dalam proses penentuan sesetengah hukum syarak bagi permasalahan-permasalahan dan isu-isu semasa. Kepentingan dan peranan maqasid Syariah tidak sahaja terhad pada penentuan dalam sesuatu permasalahan hukum, bahkan penggunaannya adalah lebih meluas untuk diaplikasikan dalam sistem pembangunan sesebuah negara Islam dalam usaha untuk memastikan penggubalan —dasar-dasar dan polisi-polisi yang berkaitan dengan sosial, ekonomi dan politik supaya selari dengan tuntutan dan lunas-lunas Islam. —Kesannya, penerapan elemen maqasid Syariah dalam semua aspek kehidupan boleh memberikan nilai-nilai kesejahteraan sepertimana dianjurkan oleh ajaran Islam. Dalam kepesatan sistem ekonomi semasa dunia, khususnya sistem ekonomi Islam secara tidak langsung memberikan impak positif kepada perkembangan sistem ekonomi sesebuah negara Islam di mata dunia. Justeru, melihat kepada peri pentingnya aplikasi maqasid Syariah dalam meningkatkan taraf pembangunan sesebuah negara Islam, kertas kerja ini bertujuan untuk mengupas kepentingan memahami maqasid Syariah di dalam pembangunan ekonomi negara.

2.0 Maqasid Syariah Menurut Perspektif Syariah

Para ilmuwan dan sarjana Islam telah mengemukakan beberapa definisi maqasid Syariah menurut perspektif Islam. Antara definisi-definisi tersebut adalah seperti berikut:

¹ Profesor Madya Dr Azman Mohd Noor merupakan pensyarah di Institut Antarabangsa Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga merupakan bekas ketua Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, di universiti yang sama. Beliau boleh dihubungi melalui emel: azzmann@hotmail.com atau laman sesawang: drazman.net

^{**} Muhamad Nasir Haron merupakan pegawai penyelidik Syariah, Jabatan Pengurusan Syariah di Maybank Islamic Berhad. Beliau boleh dihubungi melalui emel: muhamadnasirh@gmail.com.my

^{***} Muhammad Nazir Alias merupakan pensyarah di [Jabatan Syariah, Fakulti Pusat](#) Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. [Emel: nazir@ukm.edu.my](mailto:nazir@ukm.edu.my)

(1) Imam al-Ghazali memberi maksud maqasid Syariah sebagai satu tujuan untuk memelihara lima perkara asas dalam kehidupan manusia (*usul al-khams*) iaitu; memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.² Dalam hal ini, setiap perbuatan yang dibuat bertujuan untuk memelihara *usul al-khams* ini dikenali sebagai *maslahah* (kebaikan), manakala setiap perbuatan yang boleh memberi kesan kemudaratan kepada *usul al-khams* pula dikenali sebagai *mafsadah* (kerosakan).³

Antara dalil yang menjadi petunjuk kepada *maqasid Syariah* adalah firman Allah yang berbunyi:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَٰكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُنِيمَ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya : “Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi ia berkehendak membersihkan (menyucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.”⁴

(2) Menurut pandangan al-Syatibi, maqasid Syariah merujuk kepada perintah Allah yang telah menetapkan tujuan utama syariat-Nya dalam memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada manusia sejagat dan mengelakkan sebarang kerosakan (*mafsadah*) daripada berlaku ke atas mereka.⁵ Beliau telah merangkumkan perbincangan mengenai maqasid Syariah dalam tiga kategori seperti berikut:

a) Keperluan *dharuriyyat* (keperluan asasi). Ia merujuk kepada perkara yang paling penting serta asas dalam kehidupan seseorang manusia dan sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi atau tiada, maka kehidupan manusia akan menjadi binasa sama ada di dunia dan di akhirat. Sebagai contohnya, keperluan manusia kepada makanan, tempat tinggal dan pakaian.

b) Keperluan *hajiyyat* (keperluan kemudahan). Ia merujuk kepada keperluan dalam kehidupan yang bertujuan untuk memudahkan kehidupan di dunia dan akhirat. Sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi, ianya hanya memberi kesempitan dan kesukaran dalam

² Mustafa al-Zarqa', *al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*, Dar al-Qalam, Damsyik, 1998, j. 1, h. 102

³ Abū Hāmid Al-Ghazālī, (1973), *al-Mustasfā min ʿIlm al-Uṣūl*, Cairo: al-Maktabah al-Tijāriyyah, h: 139-40.

⁴ Surah al-Maidah: ayat 6.

⁵ Al-Shāṭibī, Ibrāhīm Ibn Mūsā al-Lakhmī. 2004. *Al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl Al-Sharʿah*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. h.24.

kehidupan tetapi ia tidak akan membinasakan kehidupan. Sebagai contohnya, keperluan manusia kepada pengangkutan untuk bergerak ke destinasi tertentu.

c) Keperluan *tahsiniyat* (ikeperluan keselesaan dan kecantikan). Ia merujuk kepada sebarang bentuk keperluan tambahan yang bertujuan untuk mencapai keselesaan dan kepuasan dalam kehidupan manusia. Sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi, ianya tidak memberi kesan kepada kehidupan seseorang manusia. Keperluan ini adalah hasil daripada tabiat dan kehendak manusia yang tidak terbatas sentiasa mengimpikan perkara terbaik dalam kehidupan. Antara contoh keperluan ini adalah seperti keinginan kepada pengangkutan yang beraneka warna dan bentuk, tempat tinggal yang besar dan luas dan sebagainya.

(3) Manakala menurut Ibn Ashur, *maqasid Syariah* merujuk kepada sesuatu maksud dan hikmah yang terhasil daripada –aplikasi dalam sebahagian besar hukum Syarak mahupun dalam keseluruhan hukum tersebut.⁶

(4) *Al-Raysuni* mendefinisikan *maqasid Syariah* sebagai objektif dan kesan yang tercapai daripada pensyariaan hukum secara umum atau secara terperinci (bagi setiap hukum).⁷

3.0. PEMBAHAGIAN MAQASID SYARIAH

Maqasid Syariah terbahagi kepada beberapa kategori berdasarkan kepada beberapa aspek seperti berikut:

3.1 Berasaskan kepada Kekukuhan Sabitan daripada Dalil Syarak

Berasaskan kepada aspek ini, maqasid Syariah terbahagi kepada tiga jenis:

- a) *Maqāṣid Qaṭʿiyyah*: iaitu objektif syarak yang pasti dan diyakini menjadi tujuan pensyariaan sesuatu hukum.⁸ Ia adalah objektif yang difahami daripada beberapa nas

⁶ Ibn ʿĀshūr, Muḥammad Ṭāhir. 2001. *Maqāṣid Al-Sharīʿah Al-Islāmiyyah*. Muḥammad al-Ṭāhir Al-Maysāwī (pnyt.). Ed. ke-2. Amman: Dār al-Nafāʿis. h.251

⁷ Al-Raysūnī, Aḥmad. 1995. *Naẓariyyah Al-Maqāṣid ʿInda Al-Imām Al-Syātibī*. The International Institute of Islamic Thought, h. 13.

⁸ Ibn ʿĀshūr, Muḥammad Ṭāhir. 2001. *Maqāṣid Al-Sharīʿah Al-Islāmiyyah*. Muḥammad al-Ṭāhir Al-Maysāwī (pnyt.). Ed. ke-2. Amman: Dār al-Nafāʿis. hlm.232.

syarak sehingga memberikan tahap keyakinan yang tinggi kepada mujtahid bahawa ia merupakan tujuan syarak dalam pensyariaan hukum seperti objektif syariah untuk memudahkan dan tidak menyusahkan. Objektif ini diperoleh melalui pelbagai nas-nas syarak seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: *Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.*

Firman Allah lagi dalam surah al-Hājj ayat 78:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya: *dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.*

Terdapat juga ayat-ayat Quran yang lain dan hadis Rasulullah yang menunjukkan kemudahan dan tidak menyusahkan adalah suatu yang menjadi tujuan syarak secara umum tanpa dihadkan kepada sesuatu hukum secara khusus.⁹

- b) *Maqāṣid Dhanniyyah*: iaitu objektif dan tujuan syarak yang diperoleh daripada bilangan dalil yang sedikit sehingga ia tidak mencapai tahap yang diyakini seperti tahap yang pertama di atas. *Maqāṣid* jenis ini kebanyakannya diperoleh melalui pemerhatian kepada beberapa hukum syarak terhadap sesuatu permasalahan sehingga memberikan keyakinan kepada mujtahid bahawa ia merupakan objektif dan tujuan syarak di sebalik pensyariaan hukum-hukum berkaitan permasalahan tersebut.¹⁰ Contoh *maqāṣid* tahap ini ialah pemantapan hubungan dalam perkahwinan di antara suami dan isteri. Penelitian terhadap hukum harus melihat calon isteri, keredaan kedua bakal pengantin sebelum akad nikah, persetujuan wali dan penghebahan akad perkahwinan melalui kenduri memberikan keyakinan kepada pengkaji bahawa pengkalan hubungan di antara suami isteri merupakan salah satu objektif dan tujuan syarak.¹¹

⁹ Al-Najjār, °Abd al-Majīd. 2008. *Maqāṣid Al-Sharī'ah Bi Ab'ād Jadīdah*. hlm 38. Ibn °Ashūr, hlm, 235.

¹⁰ Ibid.

¹¹ al-Najjār, hlm. 39.

- c) *Maqāṣid Wahmiyyah*: yaitu sesuatu yang disangka sebagai objektif dan tujuan syarak tetapi pada hakikatnya ia adalah sebaliknya seperti penggunaan arak untuk mendapat keuntungan dan untuk mendapat kelazatan tubuh badan. Ia adalah suatu yang bercanggah dengan syariat Islam.¹²

3.2 Berasaskan kepada Kaitannya dengan Hukum Syarak

Jika diteliti kepada hukum-hukum syarak secara keseluruhannya, *maqasid Syariah* boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

- a) *Maqāṣid ʿĀmmah*: yaitu objektif dan tujuan syarak dalam sebahagian besar hukum syarak seperti objektif memudahkan dan tidak menyukarkan, objektif menjaga sistem kehidupan manusia supaya teratur dan objektif manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Hukum-hukum syarak secara keseluruhannya sama ada secara langsung atau tidak langsung bertujuan untuk mencapai dan menjaga objektif-objektif di atas.¹³
- b) *Maqāṣid Khāṣṣah*: yaitu objektif syarak yang ingin dicapai oleh sekelompok hukum secara khusus seperti objektif syarak berkaitan dengan harta, kekeluargaan atau hukuman. Setiap kelompok hukum tersebut mempunyai objektif dan tujuannya yang tersendiri.¹⁴
- c) *Maqāṣid Juz'iyah*: yaitu objektif dan tujuan yang ingin dicapai oleh setiap hukum syarak secara satu persatu seperti pengharaman arak, judi dan meminang perempuan yang telah bertunang. Setiap satu hukum ini mempunyai objektif dan tujuan yang ingin dicapainya. Maqāṣid ini juga dikenali sebagai hikmah, rahsia syarak dan *ʿillah*.¹⁵

3.3 Berasaskan kepada Kelompok Manusia

Terdapat hukum syarak yang berkaitan dengan individu secara khusus, masyarakat dan negara. Berasaskan kelompok-kelompok manusia, maqasid Syariah terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

- a) *Maqāṣid ʿĀmmah*: yaitu objektif dan tujuan syarak yang memberikan kebaikan kepada keseluruhan manusia seperti tolong-menolong, keadilan dan kesamarataan.

¹² Ibid, 40.

¹³ Ibid.

¹⁴ Ibid, 41.

¹⁵ Ibid, 42.

- b) *Maqāṣid Khāṣṣah*: iaitu objektif dan tujuan syarak yang berkaitan dengan kelompok manusia yang tertentu seperti objektif yang berkaitan dengan hukuman. Ia hanya memberikan kebaikan kepada golongan yang telah melakukan kesalahan.¹⁶

3.4 Berasaskan Tahap Tuntutannya oleh Syarak

Tidak semua hukum syarak itu berada di tahap yang sama. Oleh itu, objektif dan tujuan syarak juga berada di tahap yang berbeza seperti berikut:

- a) *Maqāṣid Uṣūl*: iaitu objektif dan tujuan asal yang ingin dicapai oleh syarak melalui pensyariatan hukum seperti objektif menjaga nyawa, keadilan dan memberi kemudahan.
- b) *Maqāṣid Wasā'il*: iaitu objektif dan tujuan sampingan syariah yang bertujuan untuk mencapai dan menjaga objektif utamanya seperti kesaksian dalam akad perkahwinan yang bertujuan untuk menjaga objektif perkahwinan iaitu pemantapan hubungan di antara suami dan isteri.¹⁷

3.5 Berasaskan Kepada Keperluan Manusia

Terdapat perkara yang menjadi keperluan manusia dan syarak menjadikannya sebagai objektif dalam pensyariatan hukum. Berasaskan kepada keperluan manusia, maqasid Syariah boleh dibahagikan kepada tiga jenis:

- a) *Maqāṣid Darūriyyah*: iaitu perkara yang menjadi keperluan asasi manusia untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Jika perkara ini tiada, kehidupan manusia akan menjadi seperti kehidupan binatang yang akhirnya menuju kepada kerosakan dan kebinasaan. Keperluan asasi yang menjadi objektif syarak untuk menjaganya ialah agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
- b) *Maqāṣid Hājiyyah*: iaitu perkara yang menjadi keperluan manusia yang menjadi objektif syarak dan ketiadaannya menyebabkan manusia melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah dengan penuh kesukaran dan huru-hara. Di antara perkara tersebut seperti keharusan jual beli, sewaan, pinjaman dan keringanan melakukan ibadat ketika sakit atau bermusafir.
- c) *Maqāṣid Tahsīniyyah*: iaitu perkara yang menjadi objektif syarak bagi memudah dan mengindahkan kehidupan manusia dan ketiadaannya menyebabkan kehidupan

¹⁶ Ibid, 44.

¹⁷ Ibid, 45.

manusia menjadi hambar serta suram. Contoh maqasid ini ialah keharusan memakai pakaian yang berwarna-warni, kenderaan yang mewah dan keharusan menggunakan gelaran-gelaran yang baik.¹⁸

4.0 KEPENTINGAN MAQASID SHARIAH DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA

Maqasid Syariah dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara adalah berkait rapat dengan cara pemerolehan harta, pemeliharaan harta, pengurusan harta, perbelanjaan harta dan agihan harta.

4.1 Cara Pemerolehan Harta Dalam Islam

Dalam Islam, harta boleh diperolehi secara halal melalui cara-cara berikut:

1. Kontrak *Mu'awadah* (Aqad pertukaran) seperti jual beli, sewaan, upah kepada khidmat dan pekerjaan.
2. Aqad *Tabarru*, seperti anugerah, sedekah, hibah, wasiat, waqaf dan pinjaman.
3. Pewarisan harta pusaka.
4. Pertumbuhan daripada harta yang sudah ada seperti bertambahnya binatang ternakan.
5. Pengambilan pemilikan ke atas sumber alam yang dibenarkan seperti kayu api di hutan, air di sungai atau ikan di laut.

4.2 Maqasid Syariah dalam Aspek Pemeliharaan Harta (*Hifz Mal*)

Pemeliharaan kekayaan adalah salah satu prinsip asas yang digariskan di bawah kategori *darūriyyah*. Sememangnya, maqasid Syariah yang bertujuan memelihara dan menggalakkan susunan sosial masyarakat memberikan perhatian yang besar kepada kekayaan dan pemeliharaan harta. Terdapat beberapa dalil daripada al-Quran dan al-Hadith yang menggalakkan perolehan harta dan kekayaan begitu juga berkenaan penjagaan harta dan kekayaan dalam Syariah.

Harta merupakan suatu yang amat diperlukan oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira agama dan keturunan. Di dalam Islam, harta perlulah dipelihara dan dijaga dengan mengelakkan sebarang cara perolehan yang haram, perlu dilaburkan supaya berlaku pertambahan dan percambahan, tidak boleh dibazirkan atau dibiarkan.

¹⁸ Ibid, 47..

Objektif pemeliharaan harta berkait rapat dengan pemeliharaan agama kerana hukum hakam agama menetapkan cara-cara berurusan dengan harta termasuklah perolehan dan perbelanjaan. Ia berkait rapat dengan penjagaan akal kerana syarat sah transaksi kontrak bergantung kepada kematangan pihak berkontrak.

Dalam konteks objektif *hifz al-mal* para ulama Islam telah menegaskan bahawa pemeliharaan kekayaan akan tercapai sekurang-kurangnya melalui beberapa dimensi, iaitu:

(a) Pelaburan dan Pembangunan Kekayaan Secara Berterusan

Dalam konteks dunia moden, kekayaan sesebuah negara dinilai melalui Pendapatan Negara Kasar (PNK) yang terdiri daripada seluruh nilai yang dihasilkan di dalam sesebuah negara iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), bersama-sama dengan pendapatang yang diterima daripada Negara Negara lain tolak bayaran liabiliti. Kekayaan sesebuah Negara juga boleh dinilai daripada purata pendapatan per kapita iaitu iaitu jumlah wang seseorang penduduk akan terima jika pendapatan Negara tahunan dibahagikan kepada setiap penduduk dengan sama rata.

Pembangunan hidup manusia tidak hanya meliputi keperluan asasi mereka sahaja tetapi juga melibatkan peningkatan taraf hidup. Aspek ini memerlukan peningkatan terhadap sumber kekayaan. Oleh itu, harta sedia ada perlu dilaburkan supaya keuntungan dapat dijana dan pelbagai projek yang meningkatkan kehidupan manusia dapat dilancarkan. Aktiviti pelaburan mampu melahirkan potensi, modal, sumber dan perniagaan baru. Oleh itu, aktiviti ini perlu disertai oleh seramai mungkin pelabur dan pelbagai mekanisma juga perlu dihasilkan. Instrumen pelaburan juga perlu dibangunkan supaya modal dapat dimanfaatkan secara efektif.

Ummat Islam dituntut bekerja keras, berusaha dengan ilmu dan tenaga untuk memperoleh rezeki dan kurniaan Allah, meningkatkan taraf hidup mereka dan memperoleh kejayaan. Kejayaan dikaitkan dengan usaha yang berterusan dengan tidak mengabaikan aspek ibadah dan pematuhan kepada suruhan dan larangan syarak. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).”¹⁹

Secara tidak langsung, dapat dilihat maqasid Syariah ini mengajak manusia untuk memaksimumkan pemanfaatan sumber dan modal sedia ada bagi meningkatkan taraf hidup manusia dan memakmurkan bumi selain membantu golongan yang memerlukan. Al-Quran dan al-Hadith melarang manusia meminta-minta tanpa terlebih dahulu memanfaatkan sumber atau modal sedia ada dalam apa jua bentuk barangan, tenaga kerja atau tubuh yang dimiliki untuk mencari pendapatan dan meneroka alam dalam mencari rezeki Allah.

Keperluan bagi seorang Muslim untuk membayar zakat sebenarnya berkait rapat dengan keperluan untuk meningkatkan kekayaan. Ini jelas disebut di dalam hadis Anas RA:

اتجروا في مال اليتامى لا تأكلها الزكاة

“Berniagalah (kembangkanlah) harta anak anak yatim supaya ia tidak habis dimakan zakat”.²⁰

Para ulama berselisih pendapat berkenaan kewajipan berzakat ke atas harta anak anak yatim samada ia perlu dikeluarkan oleh penjaga ataupun perlu menunggu anak yatim sampai umur baligh. Jelas sekali, hadis di atas menganjurkan supaya diusahakan penambahan ke atas harta anak yatim. Penambahan di sini boleh berlaku melalui beberapa cara seperti perniagaan atau pelaburan dalam instrument kewangan Islam yang berlandaskan Syarak.

(b) Keadilan Kepada Pihak Berkontrak

Sistem kewangan Islam menyemai prinsip keadilan dalam pemilikan harta kepada semua pihak. Keadilan kepada pihak berkontrak adalah sangat penting bagi aktiviti ekonomi yang sihat. Maqasid Syariah ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya sebarang konflik, pertikaian dan pertelingkahan atau dendam antara pihak-pihak yang mengurus niaga dalam

¹⁹ Surah al-Jumu'ah, ayat 10.

²⁰ Al-Asqalani, Ahmad bin Ali, Al-Talkhis al-Habir, Muassah Qurtuba, 1995. http://library.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?flag=1&bk_no=11&ID=542.

urusan kewangan. Oleh itu Islam amat mementingkan keredhaan antara dua pihak yang berurus niaga kerana kedua-dua pihak berhak memperolehi apa yang dikehendaki, memenuhi hajat keperluan masing-masing, dan tidak ada pihak yang rugi.

Jika diperhatikan kepada akad-akad yang ada dalam sistem kewangan Islam, semuanya mempunyai rukun-rukun serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Kesemua rukun dan syarat ini sebenarnya ditetapkan oleh Islam demi menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat dalam kontrak berkenaan.

Oleh yang demikian, Syariah menganjurkan amalan merekodkan dan penyaksian dalam sebarang transaksi serta penetapan syarat-syarat tertentu dalam transaksi seperti dalam kontrak *murabahah*, *mudarabah* dan *musyarakah*. Syarat-syarat sedemikian adalah amat penting dan sebarang kemungkiran terhadap syarat-syarat tersebut boleh menyebabkan kontrak menjadi tidak sah. Konsep pemeliharaan harta dan kekayaan daripada risiko boleh dilihat di dalam al-Quran surah al-Baqarah, ayat 282.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ
اللَّهُ

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu memasuki sesuatu transaksi yang melibatkan keberhutangan (bertempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya”

Ayat seterusnya:

وَلَا تَسْأَمُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ذَلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً
حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا

“Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil disisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan

kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya”.²¹

Ayat ini dengan jelas mengarahkan umat Islam untuk merekodkan hutang dalam urusan perniagaan dan mengambil saksi. Ini menghalang kemungkinan wujud pihak yang menafikan keberhutangan, jumlah hutang, tempoh matang yang boleh membawa kepada pertelingkahan dan kerugian dan ketidakadilan bagi sesetengah pihak. Jika urusan itu berlaku semasa dalam perjalanan dan catatan transaksi tidak boleh dilakukan, Allah membenarkan pengambilan cagaran (*rahn*) sebagai jaminan kepada bayaran hutang.

Untuk menjamin keadilan kepada pihak berkontrak, unsur unsur yang menafikan persetujuan, ketidakadilan kepada pihak berkontrak, penyalahgunaan kuasa, transaksi secara paksaan, penipuan, rasuah adalah dilarang. Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dan janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta orang lain dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahui”.²²

(c) Kesahihan Perpindahan Pemilikan (*thabat al-amwal*)

Maqasid ini adalah berdasarkan kepada penekanan Syariah terhadap kepentingan pemilikan yang sah dan diiktiraf kerana ia berkait rapat dengan kesahihan bertasaruf. Hal ini adalah selari dengan firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan

²¹ Surah al-Baqarah, ayat 282.

²² Surah al-Baqarah, ayat 188.

perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu."²³

Malah Rasulullah S.A.W turut melarang umat Islam menjual sesuatu barang yang belum dimilikinya. Jika dilihat dalam aspek transaksi, Shariah Islam amat mementingkan aspek *qabdh* (pegangan) dan *taslim* (penyerahan) barangan dalam setiap urusan niaga, persetujuan pihak yang berkontrak. Kematangan akal fikiran dan kemampuan memahami kesan dan akibat sesuatu akad adalah syarat utama dan ukuran bagi kesahihan kontrak. Ia dipanggil *legal capacity (ahliyyah al-ada')*. Oleh kerana penjagaan harta berkait rapat dengan penjagaan akal, maka boleh disimpulkan bahawa objektif Shariah dalam aspek kewangan Islam adalah berkait rapat dengan maqasid penjagaan akal.²⁴

Setiap aktiviti akad jual beli dalam Islam perlulah menyumbang kepada pemilikan harta yang sah. Pemilikan harta telah sabit apabila ianya dilakukan berdasarkan tuntutan Syarak. Firman Allah SWT:

عَلِمَ أَنْ سَيَكُونُ مِنْكُمْ مَرْضَىٰ وَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَآخَرُونَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

*"Ia juga mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah dan yang lainnya lagi orang-orang yang berjuang pada jalan Allah (membela agamaNya)".*²⁵

Pemilikan yang sah amat penting bagi memastikan kesahihan bertasarruf ke atas harta, penentuan hak ke atas keuntungan dan penganggungan (*doman*) risiko. Ini bersesuaian dengan kaedah fikah:

"الغرم بالغنم"

Bermaksud: "*Perolehan adalah dikaitkan dengan penanggungan risiko (pemilikan)*".

Hanya pemilik yang sah sahaja boleh mempunyai kebebasan bertasarruf seperti menjual beli harta yang dimiliki dan pada masa yang sama dia akan menanggung apa apa risiko seperti kerosakan atau kejatuhan harga sesuatu asset.

(d) Peredaran Harta (*rawaj al-amwal*)

²³ Surah al-Nisa', ayat 29.

²⁴ Mohamad Akram Laldin. (t.t), *op.cit.*, h. 6.

²⁵ Surah Muzammil, ayat 20.

Konsep peredaran harta yang sebenar dan adil dalam Islam mestilah berlegar di kalangan masyarakat melalui mekanisma dan cara yang betul supaya kekayaan negara tidak hanya dinikmati dan dikawal oleh segelintir anggota masyarakat sahaja. Unsur monopoli adalah tidak dibenarkan oleh syarak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً
بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

*“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu”.*²⁶

Syariah memberi penekanan terhadap pencapaian objektif ini supaya masyarakat dapat sama sama menyertai aktiviti kewangan dan menghalang daripada harta terkumpul pada sebahagian manusia sahaja. Ini bagi memastikan edaran / pusingan harta secara berterusan. Hal ini selari dengan firman Allah:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً
بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

*“Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.”*²⁷

Dalam satu hadis Rasulullah SAW bersabda;

عن معمر أن النبي (ص) قال: " من احتكر فهو خاطئ". أي: فهو بعيد عن الحق والعدل. رواه مسلم.

²⁶ Surah al-Hasyr, ayat 7.

²⁷ Surah al-Hasyr, ayat 7.

*Maksudnya: Dari Ma'mar bahawa Rasulullah SAW bersabda; Barang siapa memonopoli barangan (ihtikar) maka ia telah melakukan kesalahan. Iaitu telah tersasar jauh daripada kebenaran dan keadilan.*²⁸

Objektif ini bertujuan membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada anggota masyarakat. Oleh yang demikian, Syariah menetapkan kewajipan menunaikan zakat, anjuran melakukan *infaq* kebajikan dan larangan terhadap penyorokan dan penimbunan harta. Selain itu, Syariah turut menganjurkan pelaksanaan pelbagai kontrak dan aktiviti kewangan yang mengajak kepada perkongsian sumber atau modal dan pemindahan wang seperti *musyarakah* dan *mudharabah*. Seterusnya merumuskan langkah-langkah kewangan seperti zakat bagi mengekalkan masyarakat yang seimbang dan menyediakan sumber pendapatan yang berterusan bagi masyarakat kelas bawahan.

Pemberian zakat dan sedekah sebenarnya merealisasikan matlamat peredaran harta di kalangan anggota masyarakat. Bagi memudahkan urusan dalam peredaran harta melalui perniagaan, beberapa bentuk kontrak yang mengandungi bentuk *gharar* yang sedikit (*yasir*) adalah dibenarkan, seperti *mugharabah*, *salam*, *muzara'ah* dan *qiradh*.

Antara matlamat asas Syariah adalah memenuhi keperluan asasi setiap anggota masyarakat. Oleh itu, kemakmuran secara menyeluruh perlu dihasilkan dan kekayaan perlu diagih secara adil dalam masyarakat. Maka, aktiviti ekonomi dan kewangan tidak boleh hanya tertumpu kepada penjanaan keuntungan semata-mata bahkan perlu juga memberi tumpuan terhadap keadilan sosial dan kebajikan masyarakat. Ekonomi dan kewangan Islam perlu membasmi amalan kasta atau kelas ekonomi dalam masyarakat bagi mengurangkan jurang antara mereka. Oleh itu, lebih banyak perkhidmatan pembiayaan mikro perlu ditawarkan oleh institusi kewangan Islam selain menjadi teman rapat masyarakat dalam mencari penyelesaian terbaik kepada masalah kewangan mereka.²⁹

Konsep peredaran harta dalam Islam adalah supaya ia dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat. Harta bukanlah untuk disembunyikan, dibekukan tanpa digunakan manfaatnya. Islam menggalakkan percambahan harta sama ada melalui instrumen pelaburan yang dapat memenuhi keperluan masyarakat Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِنَ الْأَخْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصْنُدُونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَخْنِزُونَ
الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

²⁸ *Musnad Ahmad*, 2:351, no. 8602, (dalam al-Maktabah al-Shāmilah).

²⁹ Mohamad Akram Laldin. (t.t), *Maqasid Syariah Sebagai Dasar Sistem Ekonomi Berkeadilan*. Diakses dari laman web www.wadah.org.my, pada 12 November 2012, h. 5.

*“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”*³⁰

Pembekuan kekayaan/harta adalah dilarang sama sekali dalam Islam kerana ia menyekat peredaran kekayaan dikalangan masyarakat. Kekayaan yang terhasil daripada usaha yang halal hendaklah beredar dikalangan orang ramai (bukan segelintir) kerana kekayaan yang dibelanjakan dengan baik akan menjana kekayaan baru sekaligus memberi manfaat kepada masyarakat. Mekanisma peredaran dan pengagihan kekayaan dalam Islam adalah bertujuan memanfaatkan harta kepada orang ramai di samping menjaga hak orang ramai dalam masyarakat terutamanya yang lemah dan mudah terjejas.

(e) Ketelusan dan Keterbukaan dalam Aktiviti *Muamalat* (*wuduh al-amwal*)

Aktiviti muamalat hendaklah bebas dari sebarang unsur yang boleh membawa kepada pertelingkahan, persengketaan, dan kemudaratan. Maka, segala akad yang tidak jelas kedudukannya adalah diharamkan dalam Islam. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ
رَحِيمًا

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu”.*³¹

Bagi mencapai matlamat ini, setiap kontrak yang melibatkan urusan dalam pemindahan hak kewangan ataupun harta (*huquq maliyyah*) perlulah mendapat persetujuan bersama kedua pihak yang berkontrak. Isi perjanjian dalam dokumen juga perlulah jelas

³⁰ Surah al-Taubah, ayat 34.

³¹ Surah an-Nisa', ayat 29

dalam menyatakan syarat-syarat yang harus dipatuhi dan sah dari sudut undang-undang Islam dan sivil. Perkara ini jelas dinyatakan dalam firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian”.³²

5.0 MAQASID SYARIAH DAN PERANANNYA UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM

Maqasid Syariah hanya boleh direalisasikan melalui pematuhan kepada suruhan atau meninggalkan larangan Syarak. Sistem kewangan Islam perlu patuh kepada suruhan-suruhan Syarak termasuk syarat-syarat dan rukun-rukun bagi setiap kontrak. Pada masa yang sama ia juga menghindari pelaksanaan kontrak ke atas perkara-perkara atau tujuan yang dilarang dan haram.

5.1 Peranan Maqasid Untuk Merangsang Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi Negara

Pertumbuhan ekonomi negara berkait rapat dengan sektor pertanian, perindustrian, pembuatan, perkhidmatan, kewangan, perdagangan dan import eksport. Amatlah penting dalam penggubalan polisi negara, diambil kira keperluan semasa dan keutamaan berdasarkan daruriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat dengan cara yang sewajarnya tanpa mengabaikan sebahagian sektor. Contohnya pengabaian sektor pertanian menyebabkan negara terpaksa bergantung kepada negara luar untuk bekalan makanan.

Konsep mendahulukan perkara yang perlu didahulukan juga dikenali sebagai *fiqh aulawiyyat*. Sebagaimana masalah dibahagikan kepada dharuriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat, pendekatan yang sama perlu dilakukan oleh pemerintah. Keperluan asasi rakyat kepada makanan, perubatan, pendidikan, keseamatan, kediaman adalah dharuriyyat yang diperlukan oleh orang ramai. Kehidupan akan menjadi amat sukar dengan ketiadaan keperluan asasi ini.

Adapun perkara hajiyyat seperti kemudahan berjual beli, peluang pekerjaan, kemudahan untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan dan keperluan semasa, pengakutan

³² Surah al-Maidah, ayat 1.

dan lain lain keperluan dan kemudahan, ia boleh dianggap sebagai hajiyyat yang diperlukan untuk kemudahan dan kenaikan taraf hidup.

Adapun tahsiniyyat ia merujuk kepada tahap keselesaan dan kemewahan. Contohnya pembinaan sekolah elite, masjid-masjid dan sesetengah jabatan kerajaan yang menelan kos pembinaan yang mahal, pembinaan lebuh raya dan jambatan serta projek-projek pembinaan infrastruktur yang kadang kadang terlalu “mewah” dan membazir. Ia perlu dilakukan dengan seimbang, dengan mengambil kira keutamaan (*priority*) keperluan penduduk dan agihan yang lebih berkesan.

Kerana kelemahan memahami maqasid Syariah, ada perkara yang perlu didahulukan tidak didahulukan. Contohnya adalah seperti berikut:

1. Dari segi pekerjaan, pengambilan pekerja asing tanpa kawalan dan kajian secara empirical tentang keperluan kepada pekerja asing. Sedangkan ramai pekerja asing yang tidak sah taraf di tempat kita. Rakyat tempatan kehilangan pekerjaan. Kalaulah pakej gaji yang baik diberikan kepada pekerja tempatan, sudah pasti ramai yang berminat. Kerajaan perlu mengaji dari segi kesan pengaliran keluar matawang tempatan, gejala sosial, jenayah, rasuah yang meningkat yang boleh melumpuhkan ekonomi negara.
2. Dari segi hutang isi keluarga (household debts). Malaysia adalah di antara negara yang berdepan dengan hutang isi keluarga yang parah. Ramai berhutang dan suka berhutang. Sepatutnya salah satu agenda negara adalah bagaimana perlu memastikan orang ramai bebas dari hutang pada usia yang awal sebelum bersara.
3. Dari segi pemilikan hartanah. Harga rumah dan tanah terlampau mahal berbanding dengan kemampuan orang ramai. Sepatutnya kerajaan memberikan keutamaan kepada pemilik rumah pertama. Dikenakan premium kepada pemilik rumah kedua dan ke atas. Ia dilakukan oleh negara jiran iaitu Singapura. Dengan ini, isu spekulasi dan kenaikan harga dapat dielakkan. Ini selari dengan *dharuriyyat* dan *hajiyyat* yang ditekankan oleh maqasid Syariah.
4. Dalam bidang percukaian, perlu dikaji cara dan bentuk percukaian yang lebih efektif dan lebih telus (*transparent*) dan berintegriti berdasarkan kepada keperluan sebenar negara berdasarkan daruriyyat dan hajiyyat bukannya tahsiniyyat. Ia sangat penting supaya tidak ada pihak yang tertindas atau menjadi mangsa keadaan.

5.2 Peranannya dalam Menangani Masalah Riba.

Riba merupakan perkara yang diharamkan dalam Islam. Sesiapa yang menyatakan *riba* adalah halal akan menjadi kufur dan terkeluar dari Islam, kerana *riba* adalah salah satu daripada dosa besar yang wajib dijauhi oleh seorang muslim. Larangan ini disebutkan secara jelas di dalam al-Quran dan sunnah seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

"Dan Allah S.W.T telah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba".³³

Riba dari sudut bahasa bermaksud tambahan atau subur. Riba adalah bayaran pinjaman atau hutang pada jumlah yang lebih disebabkan penangguhan bayaran atau pada pertukaran barangan ribawi daripada jenis yang sama apabila ditukar pada kadar yang berbeza atau pertukaran barangan ribawi yang berkongsi 'illah yang sama seperti emas dengan perak apabila berlaku penangguhan serahan. Ini lebih dikenali sebagai *riba al-buyu'* iaitu dalam jual beli.

Riba yang biasa berlaku adalah *riba* pada tambahan di atas hutang akibat penangguhan tempoh. Di dalam surah al-Baqarah, ayat 289 menyatakan bahawa Allah dan rasulNya memerangi pemakan *riba*. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِن تُبْتِغُوا فَالْأَمْوَالُ الَّتِي لَمْ تَكُنْ لَكُمْ رِبَا فَزَادَكُمْ رِبَاً وَكَانُوا كَمَا طَبَخُوا أَشْجَاراً حَامِيَةً
رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلُمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu, (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa." ³⁴

³³ Surah al-Baqarah, ayat 275.

³⁴ Surah al-Baqarah, ayat 289.

Dalam menjalankan aktiviti kewangan Islam, amalan *riba* hendaklah dielakkan sepenuhnya. Setiap aktiviti yang dilakukan perlulah berpandukan Syarak, bebas dari sebarang bentuk *riba* sama ada dalam mendapatkan modal, membuat simpanan, membuat pelaburan dan seumpamanya.

Sebagai alternatif kepada *riba*, perbankan Islam ditubuhkan. Ia memperoleh keuntungan melalui kontrak jual beli, sewaan, upah ke atas perkhidmatan dan lain- lain lagi yang patuh Shariah.

Antara bentuk *riba* dalam transaksi semasa ialah *riba* pada insuran yang melibatkan pertukaran premium. Contohnya RM100 sebulan dengan jumlah manfaat seperti RM30, 000. Duit ditukar dengan duit tetapi pada kadar dan nilai yang berlainan. Sebagai alternatif kepada perniagaan insuran yang bermasalah dengan *riba*, *gharar* dan perjudian, takaful ditubuhkan.

Konsep takaful terbangun di atas prinsip *ta'awun* (tolong-menolong), *tadhamun* (saling menjamin), dan *takaful* (saling menanggung) yang diterjemahkan dalam konsep *tabarru'*. Melalui prinsip *tabarru'* ini, pelanggan atau dikenali sebagai peserta takaful tidak hanya sekadar mencari perlindungan untuk diri sendiri semata-mata. Sebaliknya para peserta takaful pada dasar dan prinsipnya bersepakat untuk memberikan sumbangan dalam bentuk wang ringgit yang akan digunakan untuk saling bantu-membantu antara satu sama lain seandainya mana-mana peserta dalam skim takaful tersebut tertimpa musibah atau kemudaratan di kemudian hari. Justeru itu, tidak akan berlakunya penindasan kepada peserta kerana semua pihak akan mendapat layanan yang sama.

Contoh lain aplikasi dalam kewangan Islam ialah kontrak *qard*. *Qard* bermaksud memberikan pinjaman harta kepada pihak yang memanfaatkan harta tersebut dan dikembalikan gantian yang sama jenis dengannya. Kontrak *qard* merupakan salah satu bentuk kontrak yang diterima pakai bagi tujuan pengurusan instrumen mudah tunai dalam kewangan Islam. Produk seumpama ini penting bagi memenuhi keperluan negara untuk menguruskan mudah tunai. Kontrak ini memerlukan pihak peminjam memulangkan jumlah wang yang dipinjam kepada pemberi pinjaman tanpa menjanjikan sebarang penambahan. Walau bagaimanapun, dalam amalan semasa, pihak peminjam kadang kala atas kerelaannya memberikan *hibah* kepada pihak pemberi pinjaman sewaktu melunaskan bayaran pinjaman. Pemberian *hibah* oleh peminjam kepada pemberi pinjaman juga digalakkan dalam Islam, tetapi pemberian *hibah* tidak boleh disyaratkan dalam kontrak kerana ia boleh membawa kepada *riba*.

Sebarang penambahan kepada *qard* ketika pembayaran semula sama ada dari segi kadar, sifat, pemberian aset atau manfaat adalah harus sekiranya dilakukan tanpa syarat.

Hukum memberi *hibah* kepada pemberi pinjaman adalah sama seperti hukum pinjaman yang melibatkan manfaat, iaitu diharamkan sekiranya *hibah* tersebut disyaratkan dalam akad, tetapi dibenarkan sekiranya *hibah* diberikan tanpa syarat. Membayar hutang dengan nilai atau manfaat tambahan adalah harus jika ia tidak disyaratkan dan selagi ia tidak menjadi *`urf* yang nyata. Namun begitu, jika ia menjadi kebiasaan dan dilakukan kerana hutang, maka ia wajar ditinggalkan kerana sesuatu yang menjadi *`urf* diibaratkan seperti syarat.

Pematuhan kepada hukum-hakam yang khusus bagi muamalat dapat merealisasikan maqasid Syariah dalam pemeliharaan harta, pertambahan dengan cara yang patuh Syariah tanpa sebarang penindasan dan ketidakadilan seperti yang berlaku dalam urusan riba.

5.3 Peranannya dalam Menjauhi Pelaburan yang Haram dan Tidak Berfaedah

Selari dengan maqasid Syariah dalam pemeliharaan harta, kertas kerja ini mencadangkan agar pihak kerajaan memastikan tidak ada pelaburan dilakukan pada aktiviti yang tidak patuh Syariah ataupun tidak menguntungkan negara. Pihak pemerintah juga boleh memperkenalkan berbagai peraturan dan polisi untuk membendung aktiviti pelaburan yang haram dan tidak berfaedah.

Bagi individu, seseorang yang melaburkan dana pada pelaburan yang tidak berfaedah atau sia-sia diibaratkan seperti melakukan pembuangan harta yang tidak akan memberikan manfaat pada diri sendiri dan juga orang lain. Pada era globalisasi kini, banyak pelaburan yang disumbangkan pada aktiviti tidak patuh Syariah seperti yang melibatkan arak, perbankan konvensional dan insuran, rokok, pengeluaran filem-filem lucah serta pelaburan dalam aktiviti-aktiviti yang berbentuk maksiat yang mana akan memberikan kesan buruk dan membawa kemusnahan kepada masyarakat.

Sejak akhir akhir ini banyak pula timbul berbagai skim cepat kaya yang berteraskan penipuan, riba, mengambil harta orang lain secara batil dengan menggunakan berbagai platform. Ada yang menggunakan perniagaan emas, ikan keli, hartanah, hotel kononnya di Mekah, barang makanan dan lain lain lagi. Ramai tertipu kerana ketamakan pulangan bulanan yang terlalu tinggi. Ada juga yang sudah ketagihan tak kira berapa kali sudah tersontot, namun masih mencari cari program baru yang mempunyai modus operandi yang sama.

Dalam sistem kewangan Islam, setiap aktiviti yang jelas bertentangan dengan Syarak adalah dilarang. Oleh itu, setiap aktiviti pelaburan yang dilakukan, akan diadakan proses tapisan dan pemantauan dalam mengenalpasti aktiviti pelaburan tersebut sama ada patuh Syariah atau sebaliknya. Para pelabur hanya dibenarkan untuk melaburkan harta dalam pelaburan yang patuh Syariah. Suruhanjaya Sekuriti juga telah menyediakan tanda aras

sekuriti patuh Syariah bagi aktiviti-aktiviti pelaburan yang dibenarkan Syarak. Ini dapat dibuktikan dengan penerbitan penanda aras Shariah bagi menentukan saham syarikat-syarikat yang patuh Syariah dan keharusan pelaburan dalam syarikat tersebut.

Pengawasan Syariah juga memberi penekanan terhadap proses tapisan bagi kemudahan pembiayaan dan perlindungan takaful. Pembiayaan tidak akan diberikan kepada aktiviti yang tidak patuh Syariah atau syarikat-syarikat atau institusi yang tidak patuh Shariah. Manakala, dalam perlindungan takaful, hanya risiko yang patuh Syariah boleh dilindungi oleh syarikat-syarikat takaful.

Perolehan haram disebabkan oleh barang yang diniagakan tidak patuh Syariah, pelaburan tidak patuh Shariah, kontrak yang tidak patuh Syariah mestilah dibersihkan sama ada dengan memulangkan kembali barang tersebut kepada tuannya atau disalurkan kepada Baitul Mal atau badan-badan kebajikan.

Penggubalan peraturan, undang undang dan hukuman bagi aktiviti pelaburan yang bercanggah dengan Syariah juga adalah selari dengan tuntutan maqasid Syariah dalam penjagaan dan pemeliharaan harta.

5.4 Peranannya dalam Menangani Jenayah Rasuah

Rasuah atau *risywah* ditakrifkan secara literalnya sebagai penyambung yang dapat menyampaikan tujuan dengan barang atau harta sogokan. Islam melarang dengan keras amalan rasuah kerana ia adalah satu daripada ciri kezaliman dan penindasan yang boleh membawa kepada kehancuran sesebuah kerajaan atau negara. Dalam konteks ini Allah berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”.³⁵

Hadis daripada Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa kedua-dua pemberi dan penerima rasuah akan dimasukkan ke dalam neraka.

³⁵ Surah al-Baqarah, ayat 188

عن عبد الله بن عمرو: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "لعنة الله على الراشي والمرتشى."

*Dari Abdullah bin Amru meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Allah melaknati pemberi rasuah dan penerima rasuah."*³⁶

Jelas sekali bahawa pemberi rasuah dan penerimanya adalah berdosa. Dalam masyarakat moden kini, rasuah kelihatan diberi secara berleluasa dan diterima atas alasan hadiah. Justeru, kesedaran mengenai bahaya rasuah telah lama diakui atau disemai oleh ajaran Islam yang mengharamkannya secara mutlak tanpa bertolak ansur memandangkan kesannya yang terlalu serius kepada individu, masyarakat, agama dan negara.

Sistem kewangan Islam dijalankan dengan penuh ketelusan dan keterbukaan (yang merupakan maqasid khas sesuatu transaksi), di mana terdapat badan-badan penyeliaan yang akan mengawal dan mentadbir sistem ini dengan garis panduan yang lengkap dan pengurusan risiko yang unik. Selain daripada itu, ia berpegang teguh kepada tanggungjawab dan tugas-tugas fidusiari serta hak-hak pihak yang terlibat adalah terjamin. Tambahan lagi, sistem ini sangat menitikberatkan proses dokumentasi yang jelas dan kontrak-kontrak dasaran yang komprehensif dan sesuai. Peruntukan undang-undang untuk membanteras rasuah dan penguatkuasaan yang telus dan adil adalah tuntutan maqasid Syariah yang penting untuk membanteras gejala rasuah. Ia adalah salah satu cara pemeliharaan harta khususnya harta awam.

6.0 PENUTUP

Maqasid Syariah adalah objektif yang ingin dicapai oleh syarak dalam semua peringkat hukum sama ada secara umum, khusus atau *juz'ī*. Penentuan hukum berasaskan maqasid Syariah bermaksud penentuan hukum bersandarkan kepada objektif yang diyakini menjadi kehendak syarak melalui himpunan nas-nas syarak yang khusus. Maqasid Syariah perlu diambil kira ketika menentukan hukum sesesuatu perkara baru bagi memastikan hukum yang diputuskan tidak bercanggah dengan kehendak Syariah. Penggunaan maqasid Syariah tidak terhad kepada penentuan hukum hakam bagi masalah dan isu semasa, tetapi perlu diambil kira pada penggubalan dasar dan polisi negara dalam segenap bidang dan sektor.

³⁶ Riwayat Tarmizi, Abu Daud, Ibn Majah dan Ahmad. *Sunan al-Tarmizi al-Ahkam*, no. 1337, *Sunan Abu Daud al-Aqdi'ah*, no. 3580, *Sunan Ibn Majah al-Ahkam*, no. 2313, dan *Musnad Ahmad bin Hanbal*, v. 2, no. 190.

Untuk membangunkan ekonomi negara, pihak pemerintah perlu mengambil kira aspek pematuhan Syariah pada perolehan harta negara, pelaburan, pengurusan dan perbelanjaan. Maqasid Syariah yang terangkum di dalam suruhan dan larangan, halal dan haram, prinsip-prinsip Shariah dalam ekonomi dan kewangan Islam adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan manusia di dunia dan akhirat. Realitinya, masih terdapat banyak kaedah dan cara untuk memperoleh harta dan memaksimumkan pendapatan secara halal berbanding yang haram. Ekonomi dan kewangan negara akan kukuh dan stabil melalui penerapan maqasid Syariah. Ia dapat direalisasikan melalui peningkatan usaha memajukan aktiviti ekonomi negara dengan pembangunan dan pengeluaran yang berterusan bersama wujudnya pelbagai instrumen kewangan Islam. Aspek pencegahan rasuah, pecah amanah, penipuan, penyelewangan, perjudian, pencerobohan, dan semua jenis jenayah dan maksiat yang dilarang oleh syarak juga amat penting dan dikira sebagai sebahagian daripada pelaksanaan maqasid Syariah untuk memajukan ekonomi negara.

RUJUKAN

al-Quran

Abū Dāwud, Sulaymān Ibn al-Ashʿath Al-Sijistānī. t.th. *Sunan Abī Dāwud*. Muḥammad Muḥyiddīn ʿAbd al-Ḥamīd (pnyt.). Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Bayhaqī, Aḥmad Ibn al-Husyan al-Khurasānī Abu Bakr. 2003. *Al-Sunan Al-Kubrā*. Muḥammad ʿAbd al-Qādir ʿAṭā (pnyt.). Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Al-Bukhārī, Muḥammad Ibn Ismāʿīl. 1997. *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. ʿAbd al-Malik Mujāhid (pnyt.). al-Riyāḍ: Dār al-Salām.

Al-Būṭī, Muḥammad Saʿīd Ramaḍān. 1982. *Dawābiḥ Al-Maṣlahah Fi Al-Shariʿah Al-Islāmiyyah*. Muʿassasah al-Risālah.

Al-Fāsī, ʿAllāl. 1993. *Maqāṣid Al-Sharīʿah Al-Islāmiyyah Wa Makārimuhā*.

Al-Khādīmī, Nūr al-Dīn Mukhtār. 2001. *ʿIlm Al-Maqāṣid Al-Sharīʿah*. al-Riyāḍ: Obekan Publishers & Booksellers.

Al-Mawardī, ʿAlī Ibn Muḥammad. 1999. *Al-Hawī Al-Kabīr Fi Fiqh Madhhab Al-Imām Al-Syafīʿī Wa Huwa Syarḥ Mukhtaṣar Al-Muzanī*. ʿAlī Muḥammad Muʿawwaḍ & ʿĀdil Aḥmad ʿAbd Al-Mawjūd (pnyt.). Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Al-Najjār, ʿAbd al-Majīd. 2008. *Maqāṣid Al-Sharīʿah Bi Abʿād Jadīdah*.

- Al-Qaradāwī, Yūsuf. 2006. Bayn al-maqāṣid al-kulliyyah wa al-nuṣūṣ al-juz’iyyah: dirāsah fī fiqh maqāṣid al-sharī’ah. Dlm. Muḥammad Sulaym Al-‘Awwā (pnyt.). *Maqāṣid al-Sharī’ah al-Islāmiyyah: Dirāsāt Fī Qaḍāyā al-Manhaj Wa Majālāt al-Taṭbīq*, hlm. 37–164. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Al-Qurtūbī, Abū ‘Umar Yūsuf Ibn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Bar. 2000. *Al-Istidhkār*. Sālim Muḥammad ‘Ātā & Muḥammad ‘Alī Mu‘awwad (pnyt.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Raysūnī, Aḥmad. 1995. *Nazariyyah Al-Maqāṣid ‘Inda Al-Imām Al-Syātibī*. The International Institute of Islamic Thought.
- . 1999. *Al-Fikr Al-Maqāṣidī Wa Qawā’iduh Wa Fawā’iduh*. al-Ribāt: Jarīdah al-Zaman.
- . 2006. Al-baḥth fī maqāṣid al-sharī’ah: nash’atuh wa taṭawwuruh wa mustaqbaluh. Dlm. Muḥammad Sulaym Al-‘Awwā (pnyt.). *Maqāṣid al-Sharī’ah al-Islāmiyyah: Dirāsāt Fī Qaḍāyā al-Manhaj Wa Majālāt al-Taṭbīq*, hlm. 181–230. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Al-Shātibī, Ibrahīm Ibn Mūsā al-Lakhmī. 2004. *Al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl Al-Sharī’ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Īsā Muḥammad Ibn ‘Īsā. 1975. *Sunan Al-Tirmidhī*. Aḥmad Muḥammad Shākīr, Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, & Ibrahīm ‘Aṭwah ‘Iwad (pnyt.). Egypt: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Al-Yūbī, Muḥammad Sa‘ad Ibn Ahmad Ibn Mas‘ūd. 1998. *Maqāṣid Al-Sharī’ah Al-Islāmiyyah Wa ‘Alāqatuhā Bi Al-Adillah Al-Shar‘iyyah*. al-Riyāḍ: Dār al-Hijrah.
- Ibn ‘Āshūr, Muḥammad Ṭāhir. 2001. *Maqāṣid Al-Sharī’ah Al-Islāmiyyah*. Muḥammad al-Ṭāhir Al-Maysāwī (pnyt.). Ed. ke-2. Amman: Dār al-Nafā’is.
- Yamānī, Aḥmad Zakī. 2006. Fiqh al-maqāṣid wa fiqh al-nuṣūṣ. Dlm. Muḥammad Sulaym Al-‘Awwā (pnyt.). *Maqāṣid al-Sharī’ah al-Islāmiyyah: Dirāsāt Fī Qaḍāyā al-Manhaj Wa Majālāt al-Taṭbīq*, hlm. 17–36. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, (2006), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abū Hāmid Al-Ghazālī, (1973), *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Usūl*, Cairo: al-Maktabah al-Tijāriyyah.
- Asyraf Wajdi Dusuki & Said Bouheraoua, (2011), *The Framework of Maqāṣid al-Sharī’ah (Objective of Sharī’ah) and Its Implications for Islamic Finance*, ISRA research paper (no.22/2011), Kuala Lumpur: Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa untuk Kewangan Islam (ISRA).

Bank Muamalat Malaysia Berhad, Riba dan Pengharamannya, Diakses dari laman web http://www.muamalat.com.my/downloads/media-room/publications/riba/BankMuamalat_flipbook.swfh, pada 18 Mac 2014.

Ibn Ashur, Maqasid al-Shariah, 2006, Institut Antarabangsa Pemikiran Islam: London.

Ibn Kathir, Ismail bin Umar bin Kathir al-Qurasyi al-Dimashqi, Tafsir al-Quran al-Azim, Dar Thibah Lil Nashr wa al-Taizi', 1999/1420H, jld.2.

Mohamad Akram Laldin. (t.t), Maqasid Syariah Sebagai Dasar Sistem Ekonomi Berkeadilan. Diakses dari laman web www.wadah.org.my, pada 12 November 2012.

Musnad Ahmad, 2:351, no. 8602, (dalam al-Maktabah al-Shāmilah).

Mustafa al-Zarqa', al-Madkhal al-Fiqhi al-Am, Dar al-Qalam, Damsyik, 1998, j. 1.

Ridzwan Ahmad, Pengantar Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sahīh al-Bukhāri, 2:817, hadis no.2195 (dalam al-maktabah al-shāmilah).